

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN BIL.1/2010 JABATAN TENAGA MANUSIA

TARIKH : **23 & 24 FEBRUARI 2010**
HARI : **SELASA & RABU**
MASA : **9.00 PAGI HINGGA 5.30 PETANG**
TEMPAT : **BILIK MESYUARAT UTAMA,
JABATAN TENAGA MANUSIA,
ARAS 6, BLOK D4, W.P PUTRAJAYA**
PENGERUSI : **TUAN SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI
TIMBALAN KETUA PENGARAH
JABATAN TENAGA MANUSIA**

KEHADIRAN

- | | |
|---|----------------------------------|
| 1. TN. SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI | - TKP JTM |
| 2. EN. NIDZAM BIN KAMARULZAMAN | - P (PK) |
| 3. TN. SYED JOHAN BIN SYED ALI | - P (KT) |
| 4. EN. ABD. HALIM BIN ALI MOHAMMED | - P (PL) |
| 5. PN. FAIZAH BINTI HARUN | - P (PP) |
| 6. EN. MAT SETIA BIN MOHD RAJI | - TP (PK) |
| 7. EN. NASIRRUDIN BIN SAID ALANG GHAFAR | - KPP (KT) |
| 8. EN. ZAIHAN BIN SHUKRI | - PENGARAH JMTI |
| 9. TN. HJ. NIK OTHMAN BIN DAUD | - PENGARAH ADTEC TAIPING |
| 10. DR. MOHD RASHID BIN BUYONG HAMZAH | - PENGARAH ADTEC KULIM |
| 11. EN. ZURAKA BIN YUSOF | - PENGARAH ADTEC SHAH ALAM |
| 12. EN. NORMAN BIN KUSIN | - PENGARAH ADTEC BATU PAHAT |
| 13. IR. HJ. SONTONG BIN ABDULLAH | - PENGARAH ADTEC KEMAMAN |
| 14. EN. MOHD MANOJ BIN JUMIDALI | - TIM. PENGARAH ILP KUALA LUMPUR |
| 15. EN. SUAIBUNAHA BIN JUSOH | - PENGARAH ILP PASIR GUDANG |

16.	EN. NOOR ARIFFIN BIN MOHD ARIFF	-	PENGARAH ILP KOTA KINABALU
17.	EN. ZULKIFLE BIN OMAR	-	PENGARAH ILP LABUAN
18.	EN. JAMIL BIN YAHYA	-	PENGARAH ILP IPOH
19.	EN. MOHD ABD FATAH BIN MOHD RAMLY	-	PENGARAH ILP BUKIT KATIL
20.	EN. ADNAN BIN ISMAIL	-	PENGARAH ILP LEDANG
21.	EN. MEGAT HUSAIN BIN MEGAT JAFFAR	-	PENGARAH ILP KANGAR
22.	EN. AZHARI BIN IBRAHIM	-	PENGARAH ILP KOTA SAMARAHAN
23.	EN. RAHMAT BIN AYOP	-	PENGARAH ILP PEDAS
24.	EN. AB. RAHMAN BIN HJ. MOHD SAID	-	PENGARAH ILP SELANDAR
25.	EN. ZAINUDIN BIN HJ. AHMAD	-	PENGARAH ILP KUALA LANGAT
26.	EN. ABDUL WAHID BIN EMBONG	-	PENGARAH ILP KUANTAN
27.	EN. ABDUL HALIM BIN ABD RAHMAN	-	PENGARAH ILP KUALA TERENGGANU
28.	EN. AZMIR BIN MOHD YUNUS	-	PENGARAH ILP JITRA
29.	EN. KHAIRUL ANUAR BIN DENI	-	PENGARAH ILP SANDAKAN
30.	EN. MOHD SUKIMI BIN MAT SALLEH	-	PENGARAH ILP KEPALA BATAS
31.	EN. RAMLI BIN RASHIDI	-	PENGARAH ILP MIRI
32.	PN. DALILA BINTI SHARINGAT	-	WAKIL CIAST
33.	EN. NASARUDDIN BIN MOHAMMAD	-	WAKIL ADTEC MELAKA
34.	PN. ROSNOIZAM BINTI ABD MAJID	-	WAKIL ADTEC SHAH ALAM
35.	EN. ISHAK BIN ABDULLAH	-	WAKIL ILP AP NIBONG TEBAL
36.	EN. MOHD AFFIDI BIN SIDEK	-	WAKIL ILP MERSING
37.	EN. MUZAFAR SHAH BIN MOHD SHAH	-	WAKIL ILP PERAI
38.	EN. AZMI BIN MAT	-	WAKIL ILP KOTA BHARU
39.	PN. AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE	-	PP (KT)
40.	EN. MOHD FAISAL BIN ABDUL HAMID	-	PP (PK)
41.	PN. NURASHIKIN BINTI ISMAIL	-	PP (PP)
42.	PN. NORALIZA BINTI MUHAMAD	-	Urusetia
43.	EN. ABDULLAH BIN YAHAYA @ KAMALUDDIN	-	Urusetia
44.	CIK. NURATIKAH BINTI NOOR ANUAR	-	Pencatat Minit

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

- | | | | |
|----|--------------------------------|---|------------------------------|
| 1. | EN. GHAZLAN BIN GHAZALI | - | PENGARAH CIAST |
| 2. | EN. ZABIDIN BIN ABD SAMAD | - | PENGARAH ADTEC MELAKA |
| 3. | EN. MOHD HASHIMI BIN ABD HADI | - | PENGARAH ILP KUALA LUMPUR |
| 4. | EN. SARMAN BIN HJ. RAWAN | - | PENGARAH ILP KOTA BHARU |
| 5. | IR. HALIM AZHAR BIN MOHD YATIM | - | PENGARAH ILP AP NIBONG TEBAL |
| 6. | PN. JUNNAINA BINTI HUSIN CHUA | - | PENGARAH ILP PERAI |

MINIT MESYUARAT

BIL	PERKARA	TINDAKAN	STATUS
1.	<p><u>Ucapan Pengerusi</u></p> <p>1.1 Pengerusi memulakan salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir pada mesyuarat/perbincangan ini.</p> <p>1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) adalah mesyuarat kali yang pertama dan semua institut bertanggungjawab membentangkan keputusan akhir dan memperakui pelajar serta statusnya untuk diberi penganugerahan Sijil Juruteknik Perindustrian (SJP), Sijil Teknologi (ST), Diploma Teknologi (DT) dan Diploma Lanjutan Teknologi (DLT) / Diploma Pengajian Vokasional (DPV).</p>	Makluman	
2.	<p><u>Pengesahan Minit Mesyuarat JawatanKuasa Peperiksaan dan Persijilan JTM (MJPP) Bil 3/2009 (Keluaran Sesi 1/2009)</u></p> <p>2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan dan Persijilan (MJPP) Bil 3/2009 disahkan oleh ahli mesyuarat tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman	

3.	<p>Maklumbalas Minit MJPP Bil 3/2009</p> <p>Pengiktirafan MQA dan JPA</p> <p>3.1 Dimaklumkan JPA telah memberi maklumbalas pertama terhadap dokumen yang telah dihantar sebelum ini dan JTM diminta mengemukakan maklumbalas penambahbaikan secara berasingan bagi setiap kursus yang perlu diberi pengiktirafan semula.</p> <p>3.2 Mesyuarat dimaklumkan JTM telah menghantar memo untuk penangguhan bagi permohonan pengiktirafan kepada JPA setelah pengumuman mengenai pengiktirafan terhadap pelajar SKM Tahap 4 diberikan sewaktu pembentangan bajet tahun 2010.</p> <p>3.3 JTM sedang menunggu KAPPK yang sedang dibangunkan oleh pihak JPK dan dimaklumkan KAPPK adalah garis panduan pentauliahan program kemahiran yang akan dijadikan sebagai rujukan oleh pihak JPA bagi tujuan pengiktirafan program.</p> <p>3.4 P(ADTEC Kulim) mencadangkan COPA digunakan oleh ILJTM untuk pentauliahan program diploma.</p> <p>3.5 Mesyuarat memutuskan ADTEC Kulim menjadi institut pertama menghantar permohonan pentauliahan program diploma ke MQA dan diikuti dengan institut lain secara berperingkat.</p> <p>Kursus Peningkatan Kemahiran Pensyarah</p> <p>3.6 Mesyuarat dimaklumkan seramai 110 daripada 125 pengajar gred J41 yang telah mendaftar bagi PPT-VTO telah lulus dan layak mendapat SKM Tahap 3 untuk VTO.</p> <p>3.7 Dimaklumkan memo berkenaan kesamarataan Sijil VTO dengan Sijil Pedagogi (3 bulan) telah dikeluarkan pada tarikh 11 Februari 2010.</p> <p>3.8 Mesyuarat dimaklumkan cadangan bagi pengajar gred J41 yang GAGAL mendapat Sijil VTO untuk menjalani ujian penyampaian latihan selama satu (1) minggu belum diluluskan oleh JPK.</p>	Makluman	Makluman	Makluman	BKT(UP & P) & P(ILJTM)	BKT(UP & P) & P(ILJTM)
----	---	----------	----------	----------	------------------------	------------------------

	<p>3.9 Wakil JPK memaklumkan pengajar gred J41 mulai pengambilan tahun 2008 akan diberi penempatan dan seterusnya menjalani program peningkatan kemahiran Tahap 1 dan Tahap 2, Kursus Pedagogi serta Intership mengikut bidang masing-masing.</p> <p>Latihan</p> <p>3.10 ILJTM masih belum menggunakan aplikasi e-CAST sepenuhnya dan isu-isu bagi penggunaan e-CAST telah dimaklumkan di dalam Mesyuarat Penyelarasan e-CAST pada tahun 2009.</p> <p>3.11 KPP(PL) memaklumkan masih menunggu arahan UPU yang seterusnya berkenaan cadangan bahawa UPU akan mengambil alih proses permohonan bagi pelajar ke Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA), walaubagaimanapun pihak KPT masih belum membuat sebarang keputusan berkenaan cadangan tersebut.</p> <p>3.12 Dimaklumkan e-CAST masih belum boleh digunakan sepenuhnya kerana sistem tersebut tidak lengkap dan JTM akan menggunakan sistem pengambilan sedia ada.</p> <p>3.13 Mesyuarat susulan penyelarasan masih belum diadakan lagi selepas MJPP Bil 3/2009 bagi menyelaraskan isu-isu yang berkaitan sistem latihan dan penilaian JPK.</p> <p>3.14 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MJPK Bil 1/2010 telah diadakan pada tarikh 18 dan 19 Februari 2010. Sebanyak 17 silibus dan 7 set WIM telah disahkan, antara silibus dan WIM yang disahkan adalah seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) WIM – 7 set ii) Kluster Pengeluaran – 2 silibus iii) Kluster Percetakan – 2 silibus iv) Kluster Pembuatan – 1 silibus v) Kluster Penyelenggaraan Elektrik – 1 silibus vi) Kluster Perkidmatan – 3 silibus vii) Kluster ICT – 4 silibus viii) Kluster Elektronik – 4 silibus <p>3.15 Mesyuarat dimaklumkan MJPK Bil 1/2010 telah memutuskan kiraan semester bagi program Diploma Lanjutan bermula pada semester 1. Semester 7 dan 8 adalah merujuk kepada pelajar-pelajar yang tangguh semester peringkat Diploma sahaja.</p>	CIAST & BPL	
--	--	-------------	--

	<p>3.16 Dimaklumkan silibus bagi Kursus DLT Komputer (Sistem), Kursus DLT Komputer (Rangkaian) dan Kursus DLT Pembuatan telah disahkan untuk digunakan oleh mana-mana ADTEC.</p> <p>3.17 Mesyuarat mencadangkan BKT khasnya Unit Kurikulum dan Unit Pentaulahan mencari alternatif terbaik untuk menyelesaikan masalah berkaitan pembangunan WIM</p> <p>3.18 Mesyuarat Penyelarasan telah dijalankan dan diputuskan silibus peringkat Sijil bagi Kursus Penyejukbukan dan Penyamanan Udara (PPU) akan dikekalkan secara <i>single-tier</i> dan dimaklumkan semakan semula silibus akan diadakan pada bulan Mac 2010.</p> <p>3.19 Dimaklumkan memo arahan bagi penggunaan Sistem Penilaian CGPA JTM pindaan 7 keluaran 7 telah diedarkan pada 15 Oktober 2009.</p>	Makluman	
		BKT/ Unit Kurikulum	
		BKT / Unit Kurikulum	
		Makluman	
<u>Maklumbalas bagi Laporan Verifikasi Pegawai Naziran yang lepas</u>			
	<p>3.20 Mesyuarat dimaklumkan perlu perincian beberapa perkara di dalam buku panduan Sistem Penilaian CGPA baru sebelum taklimat berkenaan diadakan di seluruh ILJTM.</p>	Makluman	
	<p>3.21 Memo arahan untuk mewujudkan portfolio bagi Subjek Umum telah dikeluarkan pada tarikh 10 September 2009.</p>	Makluman	
	<p>3.22 Dimaklumkan silibus Telekomunikasi peringkat Diploma yang digunakan di ILP dan ADTEC telah disahkan di dalam MJPK Bil 1/2010.</p>	BKT / Unit Kurikulum	
	<p>3.23 Memo telah dikeluarkan pada tarikh 10 September 2009 kepada semua ILJTM dan telah mendapat maklumbalas secara bertulis dan status tindakan pembetulan dan pencegahan tersebut akan dibentangkan pada MJPP Bil 1/2010.</p>	P(ILJTM) berkenaan	
	<p>3.24 Dimaklumkan soalan set A bagi peperiksaan sesi keluaran 2/2009 telah dipermudahkan serta mengikut keperluan NOSS SKM yang sedia ada.</p>	Makluman	
	<p>3.25 Mesyuarat dimaklumkan jadual peperiksaan telah diawalkan pada sesi lepas dan mesyuarat bersetuju jadual tersebut dikekalkan bagi semester ini dan semester seterusnya.</p>	BKT/ Unit Peperiksaan	

	<p>3.26 Mesyuarat turut bersetuju mana-mana pengajar yang bertugas mengawal peperiksaan pada hari cuti (biasa & umum) adalah dibenarkan memohon cuti gantian dengan syarat memenuhi perintah am Bab c.</p> <p>3.27 P(PK) meluluskan semua ILJTM boleh mencadangkan untuk keluar daripada kontrak penyelenggaraan sekiranya harga yang dicadangkan oleh syarikat berkenaan tidak munasabah. Mesyuarat juga dimaklumkan supaya pihak institut memaklumkan kepada P(PK) berkenaan harga yang dicadangkan sekiranya ia tidak sesuai sebelum mesyuarat sebut harga bagi kerja penyelenggaraan diadakan.</p> <p>3.28 Dimaklumkan modul berkenaan CGPA TMS telah berjaya dibangunkan dan jawatankuasa tersebut akan mengadakan taklimat serta latihan kepada <i>end user</i> pada bulan Mac 2010.</p> <p>3.29 Kursus installation TMS untuk ILJTM baru akan diadakan seperti berikut :-</p> <ul style="list-style-type: none"> i) 8 -12 Mac 2010 (Semenanjung) ii) 22 – 24 Mac 2010 (Wilayah Timur) <p>3.30 Dicadangkan modul CGPA TMS akan digunakan sepenuhnya bagi penilaian dan persijilan pelajar kemasukan sesi Januari 2010 serta Julai 2009.</p> <p>3.31 Cadangan bagi markah kerja kursus yang perlu dipamerkan sebelum peperiksaan akhir dijalankan untuk makluman pelajar telah dimasukkan ke dalam buku panduan Sistem Penilaian CGPA ILJTM yang baru.</p>	BKT/ Unit Peperiksaan	
4.	<p>Pembentangan Status Tindakan Pembetulan dan Pencegahan bagi ILJTM yang Mencapai Bilangan Peratus Pelajar Tangguh Melebihi 15%.</p> <p>4.1 Terdapat tujuh (7) institut dikehendaki membentangkan status tindakan pembetulan dan pencegahan yang mencapai bilangan peratus tangguh melebihi 15% dan berikut institut yang terlibat :-</p>	BKT/ Unit ICT & Unit PPP	Makluman
		Makluman	

	<p>i) JMTI ii) ADTEC Shah Alam iii) ADTEC Melaka iv) ADTEC Batu Pahat v) ILP Miri vi) ILP Kuala Lumpur vii) ILP AP Nibong Tebal</p> <p>4.2 Berikut adalah status bagi tindakan pembetulan bagi keputusan MJPP Bil 3/2009 iaitu seperti di Lampiran 1.</p> <p>4.3 P(ADTEC Batu Pahat) mencadangkan pelajar-pelajar yang tangguh perlu dikenakan caj mengikut bilangan kredit bagi mengurangkan peratus tangguh di setiap institut.</p> <p>4.4 Mesyuarat bersetuju peratus tangguh hanya dikira bagi kes-kes yang melibatkan akademik sahaja.</p> <p>4.5 Mesyuarat mencadangkan perbincangan lanjut diadakan bagi membincangkan samada pelajar yang dikenakan tindakan disiplin layak diberikan semester tambahan atau tidak.</p> <p>4.6 P(ADTEC Batu Pahat) mencadangkan jam kredit bagi Subjek Matematik dan Sains ditambah untuk Tahap 3 dan Tahap 4 kerana 1 jam kredit bagi subjek berkenaan tidak mencukupi.</p> <p>4.7 P(ADTEC Batu Pahat) mencadangkan kemasukan ke ADTEC mengambilkira keputusan matapelajaran Matematik dan Sains.</p>	Makluman BKT/ Unit PPP Makluman BKT/ Unit PPP BKT / Unit Kurikulum BPL	
5.	<p>Pembentangan Laporan Verifikasi Pegawai Naziran Bil 1/2010</p> <ul style="list-style-type: none"> - PP (KT), Puan Azlina Mohamad Shafie membentangkan Laporan Verifikasi Pegawai Naziran bagi Bil. 1/2010 kepada ahli mesyuarat. Berikut adalah status cadangan penambahbaikan bagi laporan yang telah dibentangkan iaitu seperti di Lampiran 2. 	Makluman	

6.	<p>Pembentangan dan Pengesahan Keputusan Akhir Keluaran 2/2009 daripada Pengarah-pengarah ILJTM</p> <p>6.1 CIAST</p> <p>6.1.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - DPV</p> <p>a) Seramai 77 pelajar layak dianugerahkan DPV dengan kelulusan 100.00%. b) Bilangan tangguh seramai 5 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar CIAST adalah disahkan</p>		Makluman P (CIAST)
	<p>6.2 JMTI</p> <p>6.2.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - DT</p> <p>a) Seramai 30 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 100.00%. b) Bilangan tangguh seramai 11 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - DLT</p> <p>a) Seramai 9 pelajar layak dianugerahkan DLT dengan kelulusan 81.82%. b) Bilangan tangguh seramai 2 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar JMTI adalah disahkan dengan pindaan</p>		Makluman P (JMTI)
	<p>6.3 ADTEC Shah Alam</p> <p>6.3.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - DT</p> <p>a) Seramai 275 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 98.57%. b) Bilangan tangguh seramai 45 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - Aviation</p> <p>a) Seramai 119 pelajar lulus dengan kelulusan 100.00%. b) Bilangan tangguh seramai 1 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ADTEC Shah Alam adalah disahkan dengan pindaan</p>		Makluman P (ADTEC Shah Alam)

	<p>6.4 ADTEC Batu Pahat</p> <p>6.4.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - DT</p> <p>a) Seramai 225 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 99.12%. b) Bilangan tangguh seramai 78 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ADTEC Batu Pahat adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ADTEC Batu Pahat)	
	<p>6.5 ADTEC Kulim</p> <p>6.5.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - DT</p> <p>a) Seramai 139 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 99.29%. b) Bilangan tangguh seramai 8 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ADTEC Kulim adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ADTEC Kulim)	
	<p>6.6 ADTEC Melaka</p> <p>6.6.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - DT</p> <p>a) Seramai 123 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 99.19%. b) Bilangan tangguh seramai 98 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – DLT</p> <p>a) Seramai 1 pelajar layak dianugerahkan DLT dengan kelulusan 100.00%. b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ADTEC Melaka disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ADTEC Melaka)	

	<p>6.7 ILP Kuala Lumpur</p> <p>6.7.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 398 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 97.55%. b) Bilangan tangguh seramai 25 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – DT</p> <p>a) Seramai 15 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 100.00% b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a. Seramai 85 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 93.41% b. Bilangan tangguh seramai 4 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kuala Lumpur adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Kuala Lumpur)	
	<p>6.8 ILP Kota Bharu</p> <p>6.8.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 295 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 97.36%. b) Bilangan tangguh seramai 15 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 47 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00%. b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kota Bharu adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Kota Bharu)	
	<p>6.9 ILP Kuala Terengganu</p> <p>6.9.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 186 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.00%. b) Bilangan tangguh seramai 12 pelajar.</p>	Makluman P (ILP Kuala Terengganu)	

	<p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 61 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 93.85%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 3 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – DT</p> <p>a) Seramai 1 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kuala Terengganu adalah disahkan</p>		
	<p>6.10 ILP Kuantan</p> <p>6.10.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 147 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 94.23%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 2 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 94 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kuantan adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ILP Kuantan)	
	<p>6.11 ILP Jitra</p> <p>6.11.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 431 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 95.78%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 20 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 47 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 97.92%</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 2 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Jitra adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Jitra)	

	<p>6.12 ILP Ipoh</p> <p>6.12.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 246 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 95.72%. b) Bilangan tangguh seramai 6 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 57 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00%. b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Ipoh adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Ipoh)	
	<p>6.13 ILP Bukit Katil</p> <p>6.13.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 139 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.00%. b) Bilangan tangguh seramai 17 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 116 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 99.15% b) Bilangan tangguh seramai 10 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Bukit Katil adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Bukit Katil)	
	<p>6.14 ILP Pasir Gudang</p> <p>6.14.1 Pembentangan Keputusan Akhir Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 351 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 95.64%. b) Bilangan tangguh seramai 24 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 47 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00% b) Bilangan tangguh seramai 3 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Pasir Gudang adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Pasir Gudang)	

	<p>6.15 ILP Kangar</p> <p>6.15.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 125 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 96.90%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 7 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 10 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 90.91%</p> <p>b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kangar adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Kangar)	
	<p>6.16 ILP Pedas</p> <p>6.16.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 188 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 91.26%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 15 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 55 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 3 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Pedas adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Pedas)	
	<p>6.17 ILP Ledang</p> <p>6.17.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 4 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 66.67%.</p> <p>b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 – ST</p> <p>a) Seramai 121 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.0%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 6 pelajar.</p>	Makluman P (ILP Ledang)	

	<p>Keluaran Sesi 2/2009 - DT</p> <p>a) Seramai 17 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 89.47%.</p> <p>b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Ledang adalah disahkan dengan pindaan</p>		
	<p>6.18 ILP Labuan</p> <p>6.18.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 164 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 99.39%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 6 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <p>a) Seramai 25 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 2 pelajar.</p> <p>Mesyuarat bersetuju keputusan akhir pelajar ILP Labuan disahkan secara edaran</p>	Makluman P (ILP Labuan)	
	<p>6.19 ILP Kota Kinabalu</p> <p>6.19.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 172 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 93.48%.</p> <p>b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <p>a) Seramai 61 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 3 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kota Kinabalu adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Kota Kinabalu)	

	<p>6.20 ILP Kota Samarahan</p> <p>6.20.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Seramai 199 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.00%. b) Tiada pelajar yang tangguh. <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Seramai 93 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 95.88% b) Bilangan tangguh seramai 4 pelajar <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kota Samarahan adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ILP Kota Samarahan)	
	<p>6.21 ILP Kepala Batas</p> <p>6.21.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Seramai 296 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 99.66%. b) Bilangan tangguh seramai 10 pelajar. <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kepala Batas adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ILP Kepala Batas)	
	<p>6.22 ILP Selendar</p> <p>6.22.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Seramai 24 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 80.00%. b) Bilangan tangguh seramai 1 pelajar. <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Seramai 90 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 74.38%. b) Bilangan tangguh seramai 5 pelajar. <p>Keputusan akhir pelajar ILP Selendar adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ILP Selendar)	

	<p>6.23 ILP Nibong Tebal</p> <p>6.23.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 74 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 4 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <p>a) Seramai 85 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 10 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Nibong Tebal adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ILP Nibong Tebal)	
	<p>6.24 ILP Kuala Langat</p> <p>6.24.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 58 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 93.55%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 8 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <p>a) Seramai 122 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 96.06%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 9 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - DT</p> <p>a) Seramai 16 pelajar layak dianugerahkan DT dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Tiada pelajar yang tangguh.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Kuala Langat adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ILP Kuala Langat)	
	<p>6.25 ILP Mersing</p> <p>6.25.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 14 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 1 pelajar.</p>	Makluman P (ILP Mersing)	

	<p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <p>a) Seramai 192 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 92.31%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 6 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Mersing adalah disahkan dengan pindaan</p>		
	<p>6.26 ILP Sandakan</p> <p>6.26.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 135 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 1 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <p>a) Seramai 61 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 100.00%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 14 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Sandakan adalah disahkan</p>	Makluman P (ILP Sandakan)	
	<p>6.27 ILP Miri</p> <p>6.27.1 Pembentangan Keputusan Akhir</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - SJP</p> <p>a) Seramai 45 pelajar layak dianugerahkan SJP dengan kelulusan 84.91%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 35 pelajar.</p> <p>Keluaran Sesi 2/2009 - ST</p> <p>a) Seramai 144 pelajar layak dianugerahkan ST dengan kelulusan 99.31%.</p> <p>b) Bilangan tangguh seramai 17 pelajar.</p> <p>Keputusan akhir pelajar ILP Miri adalah disahkan dengan pindaan</p>	Makluman P (ILP Miri)	

7.	<p>Laporan Keseluruhan bagi Keputusan Akhir</p> <p>7.1 Laporan keseluruhan bagi Keputusan Akhir Keluaran 2/2009 seperti di Lampiran 3.</p>	Makluman	
8.	<p>Hal-hal Lain</p> <p>8.1 Mesyuarat bersetuju mana-mana pelajar yang telah melepas had tangguh yang ditetapkan diluluskan di dalam mesyuarat ini dan ahli mesyuarat diingatkan supaya tiada lagi pelanggaran polisi berkaitan hal ini berulang pada mesyuarat akan datang.</p> <p>8.2 Semua ahli mesyuarat diminta memastikan pelajar-pelajar yang tangguh tidak tercicir bagi pengesahan persijilan keputusan peringkat jabatan.</p> <p>8.3 Pengerusi meminta urusetia menggubahsuai borang maklumat persijilan supaya data pelajar tangguh dapat dikenalpasti dan tidak tercicir.</p> <p>8.4 Semua institut diminta meletakkan pelajar-pelajar yang masih gagal modul dan telah melepas semester tambahan yang ditetapkan, perlu dimasukkan ke dalam status GAGAL.</p> <p>8.5 Mesyuarat bersetuju membuat pengesahan secara edaran terhadap ILP Labuan dan ADTEC Shah Alam (Kursus Aviation). Urusetia diminta menghantar pegawai naziran ke ADTEC Shah Alam untuk mengadakan lawatan naziran bagi Kursus Aviation serta menyediakan garis panduan naziran.</p> <p>8.6 Dimaklumkan persetujuan telah dibuat di dalam Mesyuarat Ketua Pengarah bersama Pengarah-pengarah bahawa pelajar dikehendaki lulus bagi setiap komponen di dalam modul atau subjek.</p> <p>8.7 Isu Sistem Penilaian CGPA dan penambahbaikan berkaitan buku panduan sistem penilaian CGPA keluaran 8 bermula sesi keluaran 2/2009. (Akan diselaraskan semula oleh Ibupejabat)</p>	P(ILJTM) P(ILJTM) BKT / Unit Persijilan P(ILJTM) BKT/ Unit Persijilan Makluman BKT/ Unit PPP	

	<p>8.7.1 Kehadiran pelajar kurang 90%</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat memutuskan berkenaan kehadiran pelajar kurang 90% perlu mengulang semester dan tidak layak menduduki peperiksaan akhir bagi semester berkenaan. Sekiranya, setelah diberi peluang mengulang semester, pelajar tidak layak lagi diberi semester tambahan dan status pada transkrip ialah digugurkan semester (WF). <p>8.7.2 Syarat lulus bagi peperiksaan akhir untuk subjek umum</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat memutuskan tiada had siling yang ditetapkan untuk komponen penilaian Subjek Umum dan markah lulus keseluruhan ialah 50%, sekiranya pelajar tidak menduduki peperiksaan akhir (tanpa kelulusan) pelajar akan diberi status GAGAL dan diberi markah 0. <p>8.7.3 Mesyuarat memutuskan supaya markah 0 (Gred E) diberikan kepada pelajar yang gagal mencapai markah minimum iaitu 50% bagi kerja kursus (teori dan amali) untuk mana-mana modul teras.</p> <p>8.7.4 Mesyuarat bersetuju status keputusan akademik pelajar diwujudkan berdasarkan CGPA dan GPA seperti di Lampiran 4.</p> <p>8.7.5 Mesyuarat turut bersetuju markah maksimum yang layak untuk pengiraan keputusan akhir hanyalah setakat 50% walaupun pelajar memperolehi markah yang tinggi di dalam ulang peperiksaan.</p> <p>8.7.6 Mesyuarat memutuskan supaya markah 0 (Gred E) diberikan kepada modul yang gagal setelah ulang peperiksaan.</p> <p>8.7.7 Mesyuarat bersetuju agar markah tidak dipamerkan di dalam slip keputusan dan transkrip keputusan akhir.</p> <p>8.7.8 Pengarah ILP Kuala Langat memaklumkan berkenaan kelewatan pengajar subjek umum dari Adtec Melaka yang telah bersetuju untuk dipinjamkan ke Institut tersebut. Walaubagaimanapun perkara ini telah dimajukan oleh BPL dan masih menunggu surat kelulusan dari pihak KSM.</p>	BKT / Unit PPP	
--	--	----------------	--

	<p>8.7.9 Mesyuarat memaklumkan berkenaan Sijil SKM yang tidak dituntut selepas 6 bulan bolehlah di hantar ke JPK. Walaubagaimanapun pihak Ibupejabat memohon supaya sijil tersebut diserahkan semula kepada JPK selepas 6 bulan dari tarikh konvokesyen dijalankan.</p> <p>8.7.10 Mesyuarat bersetuju pengesahan keputusan pelajar aviation ADTEC Shah Alam dan ILP Labuan ditangguhkan kerana masih belum dapat laporan pengesahan naziran.</p>	BKT / Unit PPP	
9.	<p><u>Penangguhan Mesyuarat</u></p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.00 petang. Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran semua ahli mesyuarat.</p>	BKT / Unit PPP	

Nota : Unit PPP : Unit Pentauliahan dan Pengiktirafan Program

Minit disediakan oleh:

(NURATIKAH BINTI NOOR ANUAR)

Pem. Tadbir (Kesetiausahaian)

Bahagian Kawalan Teknikal

Minit disemak oleh:

(AZLINA BINTI MOHAMAD SHAFIE)

Penolong Pengarah

Bahagian Kawalan Teknikal

Status Tindakan Pembetulan bagi Keputusan MJPP Bil 3/2009

BIL	NAMA ILJTM	STATUS
1	JMTI	<p>Tindakan pembetulan telah dijalankan. Walaubagaimanapun, kesan daripada tindakan pembetulan tersebut tidak dapat dicapai dalam jangka masa pendek.</p> <p>Peratus pelajar tangguh bagi MJPP 1/2010 masih melebihi 15%.</p>
2	ADTEC SHAH ALAM	<p>Tindakan pembetulan telah dijalankan.</p> <p>Peratus pelajar tangguh bagi MJPP 1/2010 dapat dikurangkan dan tidak melebihi 15%</p>
3	ADTEC MELAKA	<p>Tindakan pembetulan telah dijalankan.</p> <p>Peratus pelajar tangguh bagi MJPP 1/2010 masih melebihi 15% bagi Diploma Teknologi.</p>
4	ADTEC BATU PAHAT	<p>Tindakan pembetulan telah dijalankan.</p> <p>Peratus pelajar tangguh bagi MJPP 1/2010 masih melebihi 15% bagi Diploma Teknologi.</p> <p>Mencadangkan pelajar yang tangguh dikenakan caj bagi mengurangkan bilangan tersebut dan memberikan motivasi kepada pelajar untuk menamatkan latihan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>
5	ILP MIRI	<p>Tindakan pembetulan telah dijalankan.</p> <p>Peratus pelajar tangguh bagi MJPP 1/2010 masih melebihi 15% bagi SJP. Bilangan pelajar yang layak dipersijilkan juga kurang dari 85%.</p>
6	ILP KUALA LUMPUR	<p>Tindakan pembetulan telah dijalankan.</p> <p>Peratus pelajar tangguh bagi MJPP 1/2010 dapat dikurangkan dan tidak melebihi 15%</p>

7	ILP AP NIBONG TEBAL	Tindakan pembetulan telah dijalankan. Peratus pelajar tangguh bagi MJPP 1/2010 dapat dikurangkan dan tidak melebihi 15%
---	---------------------	--

Maklumbalas BKT :

1. Kebanyakkan sibus telah disemak dan jumlah jam kredit bagi setiap semester telah dikurangkan supaya pelajar berupaya mengulang modul dan memberi fokus kepada pembelajaran yang dijalankan.
2. Sibus bagi subjek umum telah disemak bagi kesesuaian pelajar peringkat sijil.

Cadangan Penambahbaikan bagi Laporan Verifikasi Pegawai Naziran Bil 1/2010

Cadangan Penambahbaikan	Catatan
<ul style="list-style-type: none"> - Ibupejabat perlu memberi penjelasan mengenai kaedah terbaik apabila pelajar GAGAL tetapi berjaya di dalam rayuan untuk meneruskan pengajian. Adakah pelajar berkenaan perlu bermula dari awal semester atau mengulang semester yang GAGAL tersebut. 	Ibupejabat memutuskan isu ini tidak diambil tindakan polisi kerana isu terpencil.
<ul style="list-style-type: none"> - ILP Miri mohon sijil peperiksaan akhir dari ILJTM perlu mendapat pengiktirafan dari badan EIU untuk mereka ditauliahkan Sijil EIU. 	Mesyuarat bersetuju penggubalan soalan Kursus Juruelektrik bagi Semester 4 perlu melibatkan pengajar ILP Miri dan ILP Kota Samarahan dengan memasukkan soalan berkaitan ordinan seperti yang ditetapkan oleh EIU.
<ul style="list-style-type: none"> - Kursus luar negeri dan tambahan program <i>In House Training</i> bagi kakitangan perlu dipertingkatkan lagi. 	Mesyuarat dimaklumkan terdapat peluang kursus luar negeri bagi pengajar, walaubagaimanapun terdapat kekangan dari segi polisi kerajaan yang melibatkan pelaksanaan tersebut tidak dapat dijalankan sepenuhnya.
<ul style="list-style-type: none"> - Dicadangkan setiap bidang perlu membangunkan fail untuk setiap modul yang mengandungi WIM, soalan dan skema ujian atau kuiz serta soalan tugas supaya kemudahan pengajar lain mengambil alih modul tersebut. 	Tiada sebarang tindakan dan di dalam proses perbincangan.
<ul style="list-style-type: none"> - Cadangan agar tawaran kemasukan ke Tahap 5 ditawarkan bersekali dengan Diploma Tahap 4 bagi mengelak ketiadaan pelajar untuk kemasukan terus ke Tahap 5. 	Mesyuarat dimaklumkan penawaran pengajar ke Diploma Lanjutan boleh dibuat ke atas pelajar yang telah memiliki diploma sahaja.

RINGKASAN MAKLUMAT PERSIJILAN BAGI KELUARAN SESI 2/2009

BIL	ILTM	BILANGAN PELAJAR (SPC.01)	LULUS	% LULUS	BILANGAN GAGAL	% GAGAL	BILANGAN TANGGUH	% TANGGUH	BILANGAN LAIN-LAIN	BILANGAN BERHENTI/DIBERHENTI	BIL PELAJAR SEM AKHIR
		A	B	(B/(A-H))*100	C	(C/(A-H))*100	D	(D/(A-I))*100	H	I	J
1	CIAST	95	77	100,00	0	0,00	5	6,1	18	13	82
2	JMTI (DTK)	41	30	100,00	0	0,00	11	26,8	11	0	41
	JMTI (DLTK)	13	9	81,82	2	18,18	2	15,4	2	0	13
3	ADTEC SHAH ALAM	360	275	98,57	4	1,43	45	13,9	81	36	324
4	ADTEC KULIM	154	139	99,29	1	0,71	8	5,4	14	6	148
5	ADTEC MELAKA (DT)	264	123	99,19	1	0,81	98	44,1	140	42	222
	ADTEC MELAKA (DLT)	1	1	100,00	0	0,00	0	0,0	0	0	1
6	ADTEC BATU PAHAT	329	225	99,12	2	0,88	78	25,6	102	24	305
7	ILP KUALA LUMPUR (SJP)	499	398	97,55	10	2,45	25	5,8	91	66	433
	ILP KUALA LUMPUR (ST)	107	85	93,41	6	6,59	4	4,2	16	12	95
	ILP KUALA LUMPUR (DT)	15	15	100,00	0	0,00	0	0,0	0	0	15
8	ILP KOTA BHARU (SJP)	367	295	97,36	8	2,64	15	4,7	64	49	318
	ILP KOTA BHARU (ST)	53	47	100,00	0	0,00	0	0,0	6	6	47
9	ILP KUALA TERANGGANU (SJP)	236	186	100,00	0	0,00	12	6,1	50	38	198
	ILP KUALA TERANGGANU (ST)	80	61	93,85	4	6,15	3	4,4	15	12	68
	ILP KUALA TERANGGANU (DT)	1	1	100,00	0	0,00	0	0,0	0	0	1
10	ILP KUANTAN (SJP)	184	147	94,23	9	5,77	2	1,3	28	26	158
	ILP KUANTAN (ST)	118	94	100,00	0	0,00	0	0,0	24	24	94
11	ILP JITRA (SJP)	520	431	95,78	19	4,22	20	4,3	70	50	470
	ILP JITRA (ST)	54	47	97,92	1	2,08	2	4,0	6	4	50
12	ILP IPOH (SJP)	287	246	95,72	11	4,28	6	2,3	30	24	263
	ILP IPOH (ST)	71	57	100,00	0	0,00	0	0,0	14	14	57
13	ILP BUKIT KATIL (SJP)	188	139	100,00	0	0,00	17	10,9	49	32	156
	ILP BUKIT KATIL (ST)	145	116	99,15	1	0,85	10	7,9	28	18	127
14	ILP PASIR GUDANG (SJP)	419	351	95,64	16	4,36	24	6,1	52	28	391
	ILP PASIR GUDANG (ST)	55	47	100,00	0	0,00	3	6,0	8	5	50
15	ILP KANGAR (SJP)	159	125	96,90	4	3,10	7	5,1	30	23	136
	ILP KANGAR (ST)	11	10	90,91	1	9,09	0	0,0	0	0	11

RINGKASAN MAKLUMAT PERSIJILAN BAGI KELUARAN SESI 2/2009

BIL	ILUTM	BILANGAN PELAJAR (SPC.01)	LULUS	% LULUS	BILANGAN GAGAL	% GAGAL	BILANGAN TANGGUH	% TANGGUH	BILANGAN LAIN- LAIN	BILANGAN BERHENTI/ DIBERHENTI	BIL PELAJAR SEM AKHIR	
		A	B	(B/(A-H))*100	C	(C/(A-H))*100	D	(D/(A-I))*100	H	I	J	
16	ILP PEDAS (SJP)	264	188	91,26	18	8,74	15	6,8	58	43	221	
	ILP PEDAS (ST)	63	55	100,00	0	0,00	3	5,2	8	5	58	
17	ILP MUAR (SJP)	7	4	66,67	2	33,33	0	0,0	1	1	6	
	ILP MUAR (ST)	149	121	100,00	0	0,00	6	4,7	28	22	127	
18	ILP MUAR (DT)	20	17	89,47	2	10,53	0	0,0	1	1	19	
	ILP KOTA KINABALU (SJP)	203	172	93,48	12	6,52	0	0,0	19	19	184	
19	ILP KOTA KINABALU (ST)	79	61	100,00	0	0,00	3	4,7	18	15	64	
	ILP LABUAN (SJP)	185	164	99,39	1	0,61	6	3,5	20	14	171	
20	ILP LABUAN (ST)	40	25	100,00	0	0,00	2	7,4	15	13	27	
	ILP KOTA SAMARAHAN (SJP)	219	199	100,00	0	0,00	0	0,0	20	20	199	
21	ILP KOTA SAMARAHAN (ST)	112	93	95,88	4	4,12	4	4,0	15	11	101	
	ILP KEPALA BATAS (ST)	425	296	99,66	1	0,34	10	3,3	128	118	307	
22	ILP SELANDAR (SJP)	36	24	80,00	6	20,00	1	3,2	6	5	31	
	ILP SELANDAR (ST)	134	90	74,38	31	25,62	5	4,0	13	8	126	
23	ILP NIBONG TEBAL (SJP)	86	74	100,00	0	0,00	4	5,1	12	8	78	
	ILP NIBONG TEBAL (ST)	107	85	100,00	0	0,00	10	10,5	22	12	95	
24	ILP KUALA LANGAT (SJP)	79	58	93,55	4	6,45	8	11,4	17	9	70	
	ILP KUALA LANGAT (ST)	149	122	96,06	5	3,94	9	6,6	22	13	136	
	ILP KUALA LANGAT (DT)	16	16	100,00	0	0,00	0	0,0	0	0	16	
25	ILP MERSING (SJP)	15	14	100,00	0	0,00	1	6,7	1	0	15	
	ILP MERSING (ST)	271	192	92,31	16	7,69	6	2,8	63	57	214	
26	ILP SANDAKAN (SJP)	148	135	100,00	0	0,00	1	0,7	13	12	136	
	ILP SANDAKAN (ST)	82	61	100,00	0	0,00	14	18,7	21	7	75	
27	ILP MIRI (SJP)	94	45	84,91	8	15,09	35	39,8	41	6	88	
	ILP MIRI (ST)	172	144	99,31	1	0,69	17	10,5	27	10	162	
28	PROGRAM AVIATION	125	119	100,00	0	0,00	1	0,8	6	5	120	
JUMLAH		8106	6351		211			558		1544	986	7120

JUMLAH PERSIJILAN BAGI KELUARAN 2/2009

BIL	PERINGKAT	JUMLAH	PERATUS	TANGGUH		GAGAL		LAIN-LAIN	
				JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS	JUMLAH	PERATUS
1	DLT	10	0,16%	2	0,36%	2	0,95%	-	-
2	DT	826	13,01%	240	43,01%	10	4,74%	109	11,05%
3	DPV (CIAST)	77	1,21%	5	0,90%	-	-	13	1,32%
4	DPV (ILJTM)	15	0,24%	-	-	-	-	-	-
5	SJP	3395	30,06%	199	35,66%	128	60,66%	473	47,97%
6	ST	1909	30,06%	111	19,89%	71	33,65%	386	39,15%
7	KHAS	119	1,87%	1	0,18%	-	-	5	0,51%
JUMLAH KESELURUHAN :		6351		558		211		986	

JUMLAH LULUS : 6351 Orang Pelajar = 78,35%
JUMLAH GAGAL : 558 Orang Pelajar = 6,88%
JUMLAH TANGGUH : 211 Orang Pelajar = 2,60%
JUMLAH BH/DBH : 986 Orang Pelajar = 12,16%

Status Keputusan Akademik Pelajar berdasarkan CGPA dan GPA

CGPA	GPA	STATUS AKADEMIK	IMPLIKASI
≥2.00	≥2.00	Lulus	<ul style="list-style-type: none"> • Layak ke semester berikutnya • Memenuhi salah satu syarat penganugerahan sijil
≥2.00	Antara 1.99 hingga 1.67 dan gagal tidak melebihi 5 jam kredit	Lulus Bersyarat	<ul style="list-style-type: none"> • Layak ke semester berikutnya • Perlu mencapai GPA 2.00 ke atas pada semester seterusnya dan sekiranya gagal akan dianggap gagal dan diberhentikan dari latihan
≥2.00	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang daripada 1.67 • antara 1.99 hingga 1.67 dan gagal melebihi 5 jam kredit 	Gagal	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak layak ke semester berikutnya • Diberhentikan dari latihan